



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 7 TAHUN 2017**

Kepada:

Semua Ketua Jabatan Kerajaan,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**PENURUNAN KUASA MENANDATANGANI KONTRAK DI BAWAH
AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 [Akta 120]**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan untuk memberi penjelasan berhubung tatacara yang harus dipatuhi oleh jabatan/agensi untuk mendapatkan penurunan kuasa menandatangani kontrak di bawah Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] dari YAB Dato' Menteri Besar Selangor khusus bagi pegawai yang terlibat menandatangani kontrak bagi pihak jabatan/agensinya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dalam konteks pengurusan perolehan kerajaan, satu ikatan kontrak akan terbentuk apabila kesemua elemen yang terlibat dalam pewujudan sesuatu ikatan kontrak yang ditetapkan di bawah Akta Kontrak 1950 [Akta 136] telah dipenuhi. Elemen yang terlibat adalah tawaran (*offer*), penerimaan (*acceptance*), balasan (*consideration*), niat (*intention*), ketentuan (*clarity*) dan keupayaan (*capacity*);
- 2.2 Jabatan/agensi adalah dikehendaki untuk mematuhi tatacara yang ditetapkan dalam **1Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK4.2 “Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan”** bagi memastikan ikatan kontrak yang wujud dizahirkan dalam bentuk dokumentasi bertulis yang teratur dari segi undang-undang serta selari dengan peruntukan kewangan yang dikhususkan untuknya;
- 2.3 Berdasarkan pekeliling yang sama, apa-apa kontrak bermasa iaitu kontrak yang mana obligasi yang terlibat tidak dapat diselesaikan dalam tempoh empat (4) bulan hendaklah **secara mandatori** disusuli dengan **satu kontrak formal / dokumen perjanjian sebaik sahaja Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani tanpa mengira nilai kontrak;**
- 2.4 SST adalah satu dokumen yang ditakrifkan seperti berikut:-

*“ Surat Setuju Terima (SST) ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender, draf dokumen kontrak yang telah dikeluarkan terdahulu, syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat-syarat lain yang telah dipersetujui. SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya setelah semua rundingan selesai dan persetujuan dicapai. Semua syarat dan perubahan yang telah dipersetujui dalam rundingan hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam SST. **SST ialah dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen kontrak.**”*

- 2.5 Berdasarkan pekeliling yang sama, Agensi hendaklah memastikan bahawa **hanya pegawai awam yang diturunkan kuasa secara bertulis** di bawah Seksyen 2 (**Seksyen 3 dalam konteks Negeri**), Akta Kontrak Kerajaan 1949 menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan;
- 2.6 Pegawai yang **tidak diberi penurunan kuasa** untuk menandatangani kontrak atau **menandatangani kontrak melebihi had nilai penurunan kuasa oleh Menteri (Menteri Besar dalam konteks Negeri)** boleh dikenakan tindakan tatatertib;
- 2.7 Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] memperuntukkan seperti berikut:-

“ Semua kontrak yang dibuat di Malaysia bagi pihak Kerajaan Negeri hendaklah, jika diubah ke dalam bentuk bertulis, dibuat atas nama Kerajaan Negeri itu, dan boleh ditandatangani oleh Ketua Menteri, atau Menteri Besar Negeri itu, atau oleh mana-

mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar, samada secara khusus atau dalam mana-mana hal tertentu, atau secara am bagi semua kontrak di bawah nilai tertentu di jabatannya atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberikuasaan itu.”

2.8 Manakala, Seksyen 9 Akta 120 menetapkan:-

Bentuk Pemberikuasaan

9. Apa-apa pemberikuasaan yang dibuat di bawah Seksyen 2 atau Seksyen 3 hendaklah mengikut bentuk yang sesuai yang dinyatakan dalam Jadual.

2.9 Urusetia yang menguruskan pemberikuasaan sedemikian khusus bagi Jabatan/Agensi di peringkat Negeri Selangor (seperti di **Lampiran A**) adalah seperti berikut:-

**Bahagian Perolehan & Pengurusan Aset (PPA),
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 9, Bangunan ‘SSAAS’
40503 Shah Alam
Tel: 03-5544 7799 / 03-5521 2331**

2.10 Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan pegawai yang menandatangani kontrak di jabatan masing-masing telah pun menerima penurunan kuasa menandatangani kontrak di bawah Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] dari YAB Dato’ Menteri Besar Selangor.

3.0 PENURUNAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 3, AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949 OLEH YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

3.1 Pegawai Yang Menyandang Jawatan Ketua Jabatan

3.1.1 Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bagi setiap Jabatan/Agensi yang terlibat hendaklah memastikan penurunan kuasa menandatangani kontrak telah pun diterima secara spesifik dan bertulis di atas nama pegawai terkini yang diluluskan menyandang Ketua Jabatan di jabatannya mengikut format yang ditunjukkan seperti di Lampiran.

3.1.2 Sekiranya Ketua Jabatan tersebut bertukar keluar dan diganti secara serentak oleh pegawai yang lain, maka satu pemakluman bertulis hendaklah dikemukakan kepada urusetia di Perbendaharaan Negeri bersama-sama dengan salinan surat perlantikan pegawai baharu tersebut sebagai Ketua Jabatan yang terkini agar pemberikuasaan secara spesifik dan bertulis oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dapat disempurnakan.

3.1.3 Berasaskan konsep "***delegatus non potest delegare***", pegawai yang telah diberi kuasa menandatangani kontrak secara spesifik tidak lagi boleh menurunkan kuasa itu kepada mana-mana pihak lain. Di dalam hal ini, perbuatan *sub-delegation* adalah tidak dibenarkan dari segi undang-undang;

3.2 Pegawai Yang Tidak Menyandang Jawatan Ketua Jabatan

3.2.1 Sekiranya diperlukan, pemberikuasaan secara spesifik dan bertulis itu boleh dicadangkan untuk turut diberikan kepada pegawai lain yang bersesuaian yang tidak menyandang Jawatan Ketua Jabatan bagi memastikan kontrak dapat ditandatangani jika didapati pada masa itu:-

- a) Pegawai yang menyandang Ketua Jabatan tiada di pejabat kerana berkursus, cuti mengerjakan haji, cuti sakit, bercuti rehat dalam tempoh yang lama atau bertukar keluar tanpa pengganti secara serentak. Selaras dengan konsep “*delegatus non potest delegare*”, pegawai yang menanggung tugas tidak boleh menandatangani kontrak sehingga penurunan kuasa secara spesifik dan bertulis disempurnakan oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor di atas nama beliau sendiri; ATAU
- b) Pegawai yang menyandang Ketua Jabatan ada di pejabat, tetapi penurunan kuasa kepada pegawai lain adalah diperlukan pada amaun yang lebih rendah dari had yang diterima oleh Ketua Jabatan tersebut untuk meringankan beban Ketua Jabatan dalam mentadbir kontrak. Contoh bagi kes ini adalah penurunan kuasa bagi Jurutera-Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

4.0 WARTA KERAJAAN NEGERI

- 4.1 Pada asasnya, Akta 120 tidak menetapkan keperluan untuk mewartakan pemberian kuasa di bawah seksyen 3, Akta 120 dan memadai pemberian kuasa tersebut dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh Dato' Menteri Besar Selangor dan memenuhi keperluan yang dinyatakan di bawah seksyen 3 dan seksyen 9 Akta 120, tanpa diwartakan;
- 4.2 Oleh yang demikian, merujuk kepada gazet sedia ada iaitu Warta Kerajaan Negeri Selangor G.N 3719 bertarikh 08 Oktober 2015, ianya merupakan suatu **pemberitahuan umum** yang disiarkan berpandukan subseksyen 18 (1)(e), Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] bertujuan untuk memaklumkan tentang pemberikuasaan daripada Dato' Menteri Besar Selangor kepada pegawai tertentu untuk menandatangani apa-apa kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor bagi jabatan di bawah tanggungjawabnya untuk suatu had nilai yang ditetapkan;
- 4.3 Perbendaharaan Negeri akan memperbaharui pemberitahuan umum di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa. Walaubagaimanapun, sebarang perubahan pada warta hanyalah bagi tujuan formaliti dan pemberitahuan umum sahaja dan tidak mengubah fakta bahawa penurunan kuasa secara spesifik dan bertulis dari YAB Dato' Menteri Besar masih diperlukan untuk membolehkan seseorang pegawai menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri.

5.0 TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S, S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh : Oktober 2017

LAMPIRAN

AKTA KONTRAK KERAJAAN 1949

[Akta 120]

JADUAL

[Seksyen 9]

PEMBERIAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 3

Saya Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, dengan ini memberi kuasa kepada **[nyatakan jawatan pegawai]**, **[nyatakan nama penuh pegawai]** untuk menandatangani kontrak/perjanjian bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor dan mana-mana pihak apa-apa kontrak (dalam jabatannya) sehingga RM **[nyatakan amaun dalam Ringgit Malaysia]**. Pemberian kuasa ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada **[nyatakan tarikh]**.

.....
Menteri Besar Selangor

Tarikh: